



SMK SIJANGKANG JAYA
42500 TELOK PANGLIMA GARANG ,
KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016

1103/2

TINGKATAN LIMA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan bagi **Soalan 2 (b)**, **Soalan 2 (c)**, **Soalan 2 (d)** dan **Soalan 4** berdasarkan teks komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*

Soalan 1
Rumusan (30 markah)

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian buat satu rumusan tentang **kesan-kesan negatif penggunaan Internet dan langkah-langkah untuk membendung penyalahgunaannya**. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Kelebihan utama Internet berbanding dengan media lain ialah keupayaannya memberikan maklumat tanpa sekatan. Internet membolehkan masyarakat memperoleh dan menyebarkan maklumat dengan bebas. Internet bukan sahaja menjelaskan konsep demokrasi maklumat, malah dapat mengubah cara manusia berkomunikasi. Perubahan cara komunikasi inilah yang menerbitkan krisis dalam aspek keselamatan maklumat dan aspek tanggungjawab.

Sesungguhnya, pengenalan Internet menimbulkan perdebatan dalam pelbagai isu. Penyebaran bahan imperialisme yang dapat meruntuhkan nilai-nilai budaya dan moral sesuatu bangsa jelas menunjukkan bahawa Internet mudah dikaitkan dengan perkara-perkara yang mendatangkan pelbagai keburukan. Internet merupakan media yang membolehkan sesiapa sahaja menerbitkan bahan kepada masyarakat dunia dengan kos yang sangat murah. Hakikat ini telah menyebabkan kerajaan-kerajaan di seluruh dunia cuba mengawal media baru ini. Keupayaan rangkaian canggih ini menyebarkan imej digital menyebabkan Internet **sering dijadikan wahana** untuk menyebarkan bahan tidak bermoral secara talian terus.

Di samping itu, Internet digunakan juga untuk menyebarkan pelbagai judul buku yang diharamkan di sesetengah negara. Malah, penerbit buku di seluruh dunia mempersoalkan pelanggaran hak cipta yang banyak dilakukan dalam Internet. Selain itu, rangkaian ini juga digunakan untuk menyebarkan iklan yang mungkin tidak diterima oleh media lain, kerana iklan itu melanggar kod etika pengiklanan seperti mengeksploitasikan wanita dan menarik cita rasa kanak-kanak. Kebebasan penyebaran maklumat ini, menyebabkan Internet digunakan untuk menyebarkan fitnah dan khabar angin terhadap kerajaan atau organisasi tertentu. Internet turut menimbulkan masalah perundangan terbesar dalam undang-undang harta intelek dan kebebasan hak asasi.

Beberapa terbitan *Encyclopedia World Wide* telah disebarikan melalui Internet tanpa izin pemegang hak ciptanya. Perbuatan tersebut memang menyalahi undang-undang, tetapi perkara ini telah berlaku dalam ruang siber dewasa ini. Kebimbangan terhadap Internet turut tertumpu terhadap kegiatan jenayah ekonomi dan penipuan dalam transaksi talian terus. Internet menjadikan sempadan geografi semakin tidak jelas. Internet sering mencabar amalan budaya dan moral. Menyedari hakikat ini, banyak negara berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi penyalahgunaan internet.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Penggunaan Internet: Kesan kepada Pengguna' oleh Salmah Ali
Majalah Siswa, Jun 2012)

Soalan 2: Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2 (a) Pemahaman Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Apakah maksud rangkai kata **sering dijadikan wahana**?

[2 markah]

(ii) Pengarang ada menyatakan beberapa kebaikan Internet.

Nyatakan kebaikan tersebut.

[3 markah]

Laman web mata pelajaran banyak membantu murid untuk belajar.
Terdapat banyak laman web mata pelajaran yang boleh dilayari oleh murid-murid.

(iii) Pada pendapat anda apakah ciri-ciri laman web mata pelajaran yang mampu menarik minat pelajar?

Kemukakan tiga pendapat anda. **[KBAT]**

[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DOKTOR: (*Sambil menghampiri AZMIR. AZMIR kelihatan gusar*). Assalamualaikum.

Saya Doktor Razi. Maafkan saya jika saya mengganggu. Encik Azmir ialah “sahabat” saya. Saya datang ni nak bawa dia balik ke tempat rehatnya. (*Beralih kepada AZMIR*) Encik Azmir, apa khabar sekarang? Sudah tiga hari Encik Azmir tidak balik ke tempat rehat yang kita sediakan. Rakan-rakan yang lain amat bimbang akan Encik Azmir. Mari kita pulang, ya?

AZMIR: (*Kelihatan takut dan tiba-tiba menjadi semacam orang bodoh*). Saya tidak mahu pulang. (*Sambil menggelengkan kepala*). Saya rasa bahagia berehat di sini.

DOKTOR: Saya rasa kita pulang dulu. Encik Azmir perlu berehat sikit sahaja.

Selepas itu, Encik Azmir boleh keluar semula. Kepala pun dah luka semula. Kita balik bubuh ubat dulu, OK?

(*Para pembantu memegang tangan AZMIR untuk dibawa pergi. Dia meronta-ronta tidak mahu pergi.*)

AZMIR: Saudara-saudara tolong saya. Orang-orang ini hendak mengurung saya di tempat yang tidak ada kesejahteraan. Saudara-saudara mesti percaya akan cakap saya. Cakap saya semuanya betul. Mereka ini penipu. Cakap mereka manis, tapi dalam hati mereka jahat.

(*ARIF dan para pelakon memperlihatkan rasa simpati kepada AZMIR*)

Dipetik daripada ‘Bukan Gila’ oleh Sharif Shaary dalam antologi *Sejadah Rindu*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berdasarkan petikan di atas, mengapakah Azmir kelihatan ketakutan dan meronta-ronta?

[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang harus kita lakukan untuk menangani masalah kemurungan dalam kalangan murid sekolah?

[3 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** persoalan yang lain daripada keseluruhan cerpen itu.

[4 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan perkataan anda sendiri.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, “Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi.”

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “Teririk bangkai pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat manikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya.

(Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *terlalu gemuruh bahananya*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Laksamana sebagai persediaan untuk berhadapan dengan Kertala Sari. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah seseorang itu sanggup menggadaikan nyawanya untuk kebahagiaan orang lain? [3 markah]

Soalan 2(d) Sajak

Baca pantun di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan perkataan anda sendiri.

SEJADAH RINDU

Terkedu aku
di sejadah rinduku
mengungkap kalimah syahdu
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadapan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
sebelum saat aku dinisankan
di masa yang Kau tetapkan.

Air mata menjadi saksi
keikhlasan menjadi bukti
akhirnya
aku sujud menghadap Illahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh
jiwa yang kaku tersentuh
ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejadah rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa kepada Yang Esa
izinkan aku menjadi manusia
yang taat sentiasa
pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa
dunia ini hanya bersifat sementara.

MOHD HAIKAL AMINUDDIN

Antologi Sejadah Rindu

Sasbadi Sdn. Bhd.

- (i) Berikan maksud baris ***sebelum saat aku dinisankan*** [2 markah]
- (ii) Huraikan dua pengajaran yang dapat diperoleh daripada sajak di atas. [3 markah]
- (iii) Penganut agam Islam yang telah melakukan dosa perlulah bertaubat dengan segera untuk membersihkan diri. Kemukakan pendapat anda, mengapakah taubat wajar dilakukan dalam kadar segera?
- Berikan alasan anda. **[KBAT]** [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

(30 markah)

Jawab **semua** soalan

- a) Tulis **dua ayat bagi setiap perkataan** di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh memberikan imbuhan pada perkataan tersebut.
- (i) dingin
(ii) diam
(iii) haus

[6 markah]

- b) Tukar **ayat bersusunan biasa** di bawah kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.
- (i) Budak-budak itu mandi di sungai.
(ii) Adik Nurina sedang sakit tenat di hospital.
(iii) Cincin yang bertatahkan berlian itu sungguh cantik.
(iv) Kanak-kanak itu berkejar-kejaran di taman permainan.
(v) Keadaan suhu di atas Bukit Melawati pada awal pagi sungguh dingin.
(vi) Rumah besar di atas bukit itu tidak berpenghuni sejak sepuluh tahun yang lalu.

[6 markah]

c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkan dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Shazwan menghadihkan ibunya seutas jam tangan kerana meraiekan ibunya yang baru sahaja dinaikkan pangkat.
- (ii) Proses pengtinan nenas yang dijalankan di kilang itu menggunakan teknologi tinggi dari negara Jepun..
- (iii) Kakak selalu menggunakan losyen melembab muka sebelum dia tidur.

[6 markah]

d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Murid-murid di sekolah itu saling bantu-membantu menjayakan projek Taman Herba di kawasan gersang di belakang kantin sekolah.
- (ii) Senarai peserta-peserta yang akan menyertai ekspedisi itu telah diserahkan pada pengetua untuk diluluskan.
- (iii) Orang yang berusaha rajin kebanyakannya adalah orang yang tidak mengenal erti kecewa dan putus asa untuk mencapai segala impiannya.

[6 markah]

e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.*

Pada suatu malam ibu telah menyuruhku ke kedai. Kebetulan aku ingin ke rumah Tiara kerana hendak meminjam buku latihan Sejarah. Aku keluar untuk dua tujuan sekali gus, bagus juga kerana akau tidak membuang masa.

Aku memang rapat dengan Tiara sejak di bangku sekolah rendah lagi. Banyak perkara yang kami lakukan bersama, sama ada belajar mahupun bermain. Hubungan kami begitu erat dan keluarga kami juga akrab.

Ibu Tiara terpaksa bekerja keras selepas kematian ayahnya kerana menyara enam orang anak yang masih bersekolah. Ibunya bekerja sebagai operator pengeluaran kilang. Untuk menambah pendapatannya dia membuat kuih untuk dihantar ke gerai atau di kantin tempat dia bekerja. Saya sedih melihat kesukaran hidup keluarga Tiara tetapi Tiara sekeluarga tentulah lebih sedih lagi tetapi mereka tabah mengharungi hidup.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Tirani* karya Beb Sabariah

- a) Sesebuah novel banyak memaparkan pelbagai peristiwa. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan kemukakan alasan anda.** [KBAT]

[7 markah]

- b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan dua perwatakan watak utama yang anda fikir sesuai untuk dicontohi oleh pembaca daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

(SAHARUDDIN ABDULLAH)
Guru Bahasa Melayu,
SMK Sijangkang Jaya

(ANEDA BT JAMEAN)
Ketua Panitia Bahasa Melayu
SMK Sijangkang Jaya

(ASLAMIHAH ZAKARIA)
GKMP Bahasa
SMK Sijangkang Jaya

